



TIMBALAN Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Jalil Abu Bakar (kiri) diberi taklimat oleh Ketua Setiausaha Kementerian,

Datuk Yahya Abdul Wahab (kanan) mengenai organisasi dan aktiviti kementerianya semalam. — Gambar Berita Harian.

Bangunan Perpustakaan Negara siap tahun 1985

KUALA LUMPUR, Selasa — Bangunan Perpustakaan Negara berharga \$25 juta yang dijadualkan siap tahun 1985, berbentuk 'tanjak' melambangkan ciri-ciri tradisional.

Ini diberitahu oleh Ketua Pengarah Jabatan Perpustakaan Negara, Datuk Hashim Sham dalam taklimatnya kepada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Jalil Abu Bakar hari ini.

Bellau berkata, bangunan lima tingkat itu terletak di kawasan lima ekar berhampiran Tasik Titiwangsa dekat sini.

"Apabila siap empat tahun lagi bangunan itu boleh menempatkan 2,000 kakitangan," jelasnya.

Katanya, rekabentuk itu dicipta oleh arkitek kementerianya sejak beberapa bulan lalu.

"Modelnya diserahkan kepada Kementerian Kebudayaan Belta dan Sukan dan Perbandarahan untuk diluluskan," katanya.

30,000 buku

Bellau memberitahu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir bersetuju dengan rekabentuk itu tetapi bellau meminta bentuk tanjaknya diubahsuai supaya lebih

mudah difahami oleh orang ramai.

Datuk Hashim juga tidak menafikan, Perpustakaan Negara yang diletakkan di beberapa bangunan di ibukota menyulitkan orang ramai.

Kini, katanya Perpustakaan Negara menggunakan tiga tempat iaitu ibu pejabat di bangunan MABA di Jalan Hang Jebat, dan dua tempat lain di Jalan Raja Laut.

"Kami juga akan menggunakan Bangunan City Motors yang boleh memuat 30,000 naskah buku," katanya.